

DATE: 02/04/1983



DATUK Sri Dr. Mahathir Mohamad menyambut kedatangan Encik Son Sann di pejabatnya di Bangunan Parlimen semalam.

# Malaysia kecam Vietnam serang khemah pelarian Khmer Rouge

KUALA LUMPUR, 1 April - Kerajaan Malaysia hari ini mengecam Vietnam kerana menyerang khemah-khemah pelarian Khmer Rouge di wilayah Kampuchea dekat sempadan Thailand.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zakaria Ali berkata, serangan Vietnam itu tidak dapat dianggap sebagai "serangan ke atas kemanusiaan".

Lebih 1,000 askar Vietnam dengan dibantu oleh pasukan meriam dan kereta kebal telah menyerang secara besar-besaran ke atas Phnom Chat, sebuah khemah Khmer Rouge semalam.

Bercakap kepada para pemberita selepas perjumpaan di antara Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri Demokratik Kampu-

chea, Encik Son Sann di sini, Tan Sri Zakaria juga berkata bahawa Malaysia sedang memerhatikan keadaan di sempadan tersebut.

Encik Son Sann sedang dalam rangka lawatan dua hari ke Malaysia. Pagi ini beliau telah berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam dan dikunjungi oleh Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie.

Mengenai perbincangan satu jam di antara Datuk Sri Dr. Mahathir dengan pemimpin Demokratik Kampuchea itu, Tan Sri Zakaria memberitahu Malaysia telah diberi penerangan tentang kemajuan Kerajaan Campuran Kampuchea itu dan pasukan penentang Vietnam.

"Encik Son Sann juga memberi penerangan

mengenai serangan terbaru Vietnam ke atas khemah Kampuchea," jelasnya.

Menurut ketua setiausaha itu lagi, kedua pemimpin itu tidak secara khusus menyentuh tentang soal bantuan bagi Demokratik Kampuchea.

LIHAT MUKA 16

## Kecam Vietnam

Sebelum ketibaan Encik Son Sann, laporan telah menyatakan bahawa beliau melawat negara ini dan Singapura adalah untuk meminta bantuan.

Menurut Tan Sri Zakaria, Datuk Sri Dr. Mahathir dan Timbalannya telah berjanji untuk meneruskan sokongan Malaysia kepada perjuangan rakyat Kampuchea untuk membebaskan tanahair mereka daripada pencerobohan asing.

"Perdana Menteri kita juga melahirkan rasa sukacitanya kerana Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea yang telah mencapai kemajuan dan tingginya semangat perjuangan pasukan penentang Vietnam mereka," tambahnya.

Di samping itu, kata Tan Sri Zakaria, Datuk

Sri Dr. Mahathir juga berharap Kampuchea akan menebus kemerdekaannya secepat mungkin.

"Perdana Menteri juga memberitahu Encik Son Sann bahawa sidang kemuncak pertubuhan negara-negara berkecuali di New Delhi bulan lalu telah membuktikan bahawa pandangan dunia masih mengiktiraf Kerajaan Demokratik Kampuchea," katanya lagi.

Menurut Tan Sri Zakaria lagi, Encik Son Sann juga telah menyatakan beliau optimis tentang kekuatan pasukan penentang Vietnam dan pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea.

Encik Son Sann akan berlepas ke Singapura pagi esok dan balik ke tanahair Ahad ini.